**Season Four**:  The Second Jahiliyyah

| Narration / Voice Over | Visual/ Effect |
|---|---|
| EPISOD 45<br><br>PERBEZAAN DI ANTARA BAHASA ARAB DAN BAHASA AKKADI BYBLON<br><br>SUARA:<br><br>DALAM EPISOD MUSIM PERTAMA YANG LEPAS KITA TELAH MEMBINCANGKAN  PERSOALAN BATU BERSURAT EPIK GILGAMESH YANG TELAH DITULIS SEBELUM 4000 SEBELUM MASEHI. PERBINCANGAN TENTANG BATU BERSURAT INI MERUPAKAN ISU HANGAT DI ANTARA AHLI SEJARAH TERUTAMANYA AHLI SEJARAH BAHASA. TERDAPAT DUA GOLONGAN YANG MENDAKWA TENTANG BAHASA YANG DITULIS DI ATAS BATU EPIK TERSEBUT; GOLONGAN YANG PERTAMA MENDAKWA BATU TERSEBUT | |

| | |
|---|---|
| TELAH DITULIS DALAM BAHASA SUMERIA, MANAKALA GOLONGAN KEDUA PULA MENGATAKAN BAHAWA IA DITULIS DI DALAM AKKADI ATAU JUGA DISEBUT AKKADI BYBLON. SEKIRANYA DITULIS DI DALAM BAHASA SUMERIA MAKA BATU INI BUKAN DITULIS OLEH SEMITIK, INI KERANA SUMERIA BUKAN BERASAL DARI KETURUNAN SAM. SEKIRANYA IA DITULIS DALAM BAHASA AKKADI BERMAKNA IA DITULIS OLEH ORANG SEMITIK YANG BERASAL DARI KETURUNAN SAM SEPERTI ARAM, IBRANI, ARAB, AKKAD DAN SELAINNYA. DALAM EPISOD INI PENULIS CUBA MEMBANDINGKAN PERBEZAAN DAN PERSAMAAN DI ANTARA BAHASA ARAB DAN BAHASA AKKADI, BAGI MENGETAHUI SEJAUH MANA TERDAPAT PERSAMAAN DAN PERBEZAAN DI ANTARA LARAS BAHASA ARAB DAN AKKADI BABYLON: | |

| | BAHASA ARAB (700 A.D) | BAHASA AKKADI BABYLON(4000 B.C) |
|---|---|---|
| 1 | الثور(LEMBU) | ثورا (ALIF DIAKHIR MENUNJUKKAN MAKNA AL-TA`RIF) |
| 2 | سرطان(KANSER) | سرطان (KANSER) |
| 3 | العقرب(KALA JENGKING) | عقربا((KALA JENGKING) |
| 4 | الدلو(BALDI) | دولا(BALDI) |
| 5 | اسم (NAMA) | سمو (NAMA) |
| 6 | سنة(TAHUN) | ساناتي/ساتي (TAHUN) |
| 7 | طيب(BAIK) | طيبو(BAIK) |
| 8 | جمل | جملو(SEBUTAN ج DALAM TIGA KEADAAN DOMMAH (ُ ), FATHAH (َ ) DAN KASRAH (ِ ) YANG DILAFAZKAN SEPERTI G DALAM LAHJAH ARAB MESIR |

| | | |
|---|---|---|
| 9 | حديث | إديسّو (TIADA HURUF ح) |
| 10 | إله الله | إيلو إيل |
| 11 | غروب | إريب |
| 12 | شمس | شمشي |
| 13 | أمير | مالكو |

JIKA DIPERHATIKAN TERDAPAT PERSAMAAN DARI SUDUT SEBUTAN WALAUPUN HURUF YANG DITULIS DI ATAS BATU EPIK GILGAMESH TIDAK SAMA DENGAN TULISAN ARAB YANG ADA SEKARANG, INI KERANA SIFAT SESEBUAH TULISAN DALAM SETIAP BAHASA BERSIFAT EVOLUSI. BERMAKSUD PERGERAKKAN BENTUK TULISAN DALAM SETIAP PENULISAN ITU BERDASARKAN KEPADA PEMIKIRAN SESEBUAH BANGSA YANG BERGANTUNG KEPADA PENGARUH PERSEKITARAN.

MANAKALA BAHASA ARAMIAH PULA ADALAH DARI BANGSA ARAM, ARAM PULA MERUPAKAN ANAK SAM BIN NUH A.S YANG KELIMA. ORANG-ORANG ARAM TIDAK SUKA MEMEGANG TAPUK PEMERINTAHAN OLEH ITU

| | |
|---|---|
| MEREKA TIDAK SEPERTI BANGSA AKKAD, BABYLON DAN ASSYURIA YANG BANYAK MEALKUKAN SERANGAN-SERANGAN TERHADAP PIHAK MUSUH. KAUM ARAM INI MENETAP DI SYRIA YANG MANA DAMSYIK ADALAH KOTA ARAM PADA SUATU KETIKA DAHULU, YANG NAMANYA ADALAH KOTA ARAM PENDUDUK YANG MENETAP DI DALAMNYA ADALAH OARANG-ORANG ARAM YANG MENGGUNAKAN AHASA ARAM. MUNCULNYA BANGSA INI SECARA RASMI PADA TAHUN 1500 SEBELUM MASEHI. BUKTI BANGSA ARAM INI DAPAT DILIHAT HASIL DARI MAKLUMAT YANG TERTULIS DI DALAM SURAT-SURAT TEL AMARNA (تِمَشكي/دُمشقا). BANGSA ARAM MENGUASAI KEBANYAKKAN WILAYAH DI SEKITAR SYRIA, IRAQ DAN SEKITAR LEMBAH MESOPOTAMIA DIKUASAI OLEH MEREKA. BANGSA ARAM INI TELAH MELAKAR SEJARAH APABILA TELAH BERPERANG DENGAN DUA KERAJAAN IBRANI IAITU KERAJAAN ISRAEL DAN YAHUZA DAN TELAH MENGUASAI BANDAR | |

| | |
|---|---|
| ISRAEL DI UTARA PALESTIN MANAKALA TELAH MEMBERI AMARAN KEPADA KERAJAAN URSELAM (JERUSALEM) ATAU (AL-QUDS) DI SELATAN. HASIL DARI INI TELAH BERCAMPUR BAHASA ARAM MERUPAKAN BAHASA RASMI KERAJAAN DI TANAH KANAAN PADA KETIKA ITU. HASIL DARI PERBEZAAN KEDUDUKKAN DAN PEMIKIRAN DI DALAM MASYARAKAT MAKA TERDAPAT PERBEZAAN SEBUTAN BAHASA DI ANTARA ARAMAIK, AKKADIAH BYBLON DAN ASSYURIA DAN SETERUSNYA IBRANI. SEHINGGA PENGARUH BANGSA ARAM BAHASA, PEMIKIRAN DAN ADAT RESAM INI MENGUASAI SELURUH WILAYAH SEKITAR MESOPOTAMIA INI. SEPERTI JUGA BAHASA AKKADI DAN BAHASA ARAB, PENULIS JUGA INGIN MEMBANDINGKAN PERBEZAAN DAN PERSAMAAN DI ANTARA BAHASA ARAB DAN BAHASA ARAMAIK, BAGI MENGETAHUI SEJAUH MANA TERDAPAT PERSAMAAN DAN PERBEZAAN DI ANTARA LARAS BAHASA ARAB DAN ARAMAIK INI: | |

| | BAHASA ARAB (700 A.D) | BAHASA AKKADI BABYLON(1500 B.C) |
|---|---|---|
| 1 | أب | أبا |
| 2 | إله | إيلا |
| 3 | أمة | أمْتا |
| 4 | بيت | بيتاً |
| 5 | ثور | ثورا |
| 6 | زرْع | زرْعا |
| 7 | سبع | شبْع |
| 8 | حبْل | حبلاً |
| 9 | حمار | حمارا |
| 10 | يسأل/سأل | شأل |
| 11 | سماء | شمايا |
| 12 | شمس | شمشا |
| 13 | طعم | طعْما |

SEPERTI JUGA DENGAN BAHASA AKKADI, BAHASA ARAMAIK JUGA TERDAPAT BANYAK PERSAMAAN DENGAN BAHASA ARAB.

BAGAIMANA PULA PERSAMAAN BAHASA ARAB DAN BAHASA ASSYURIA?
BANGSA ASSYUR MULA BERTAPAK DALAM PENTADBIRAN

| | |
|---|---|
| PADA 1290 SEBELUM MASEHI SESUDAH KEJATUHAN BANGSA AKKAD DAN BAYBLON DISEBABKAN BEBERAPA PEPERANGAN YANG BERLAKU. MAKA SEBAHAGIAN BESAR KAWASAN DI LEMBAH MESOPOTAMIA ITU TELAH DIKUASAI OLEH TENTERA ASSYURIA, DI ANTARA RAJA YANG TERKENAL ADALAH SHALMANSOR 1, 11, 111. SESETENGAH AHLI SEJARAH BERPENDAPAT BAHAWA SHALMANSOR YANG PERTAMA ADALAH NABI SULAIMAN, TAPI KENYATAAN INI DIPERTIKAIKAN. KALAU DILIHAT DARI SEJARAH KAPAL NABI NUH YANG DISEBUT DI DALAM TAURAT MENYERUPAI HASIL PEMCERITAAN DI DALAM KISAH EPIK GILGAMESH DI TABLET 11. MAKA JIKA DIKIASKAN BAHAWA KEHEBATAN SHALMANSOR DARI KERAJAAN ASSYURIA INI MENYERUPAI KISAH SULAIMAN A.S DARI TAURAT MAKA SULAIMAN A.S ADALAH GOLONGAN BERBANGSA SEMITIK. SEBENARANYA TAURAT BANYAK DIPENGARUHI OLEH | CARI AYAT QURAN YANG MENYEBUT TENTANG AYAT QURAN TERPELIHARA DARI |

| | |
|---|---|
| CERITA-CERITA YANG BERLAKU SEBELUM ZAMAN NABI MUSA A.S. SEPERTI KISAH RAJA SARGON YANG SEMASA HAYATNYA TELAH DIHANYUTKAN KE SUNGAI OLEH IBUNYA UNTUK MENGELAKKAN DARI DIBUNUH OLEH RAJA YANG ZALIM PADA KETIKA ITU. INI KERANA MAKLUMAT YANG BERDOKUMENTASI SESUDAH BANJIR NABI NUH A.S. MASUH TERSIMPAN DAN TERJAGA, CUMA APABILA IA DISALIN KALI PERTAMA ITU MAKA PERCERITAAN ASLI DAN BAHASA YANG ASAL YANG DIGUNAKAN SAMA SEKALI. KENYATAAN PROF. MAGIK KHAIR BIK ADA BENARNYA BAHAWA SEKIRANYA KITA TIDAK MENGKAJI SEJARAH PERADABAN PURBA SEPERTI TULISAN-TULISAN AKKADIAH BABYLON, ARAMIAH DAN ASSYURIAH MAKA KITA TIDAK AKAN TAHU APAKAH SUMBER TAMBAHAN YANG TERDAPAT DALAM TAURAT ITU KERANA PENULIS-PENULIS BANGSA YAHUDI YANG MENYALIN SEMULA TAURAT INI KE DALAM BAHASA MEREKA TELAH | DIPALSUKAN. |

| | |
|---|---|
| MENYEMBUNYIKAN DATA-DATA RUJUKKAN ASAL. OLEH ITU ALLAH TAALA TELAH MEMPERINGATKAN BEBERAPA KALI DI DALAM QURAN BAHAWA AL-QURAN TERPELIHARA DARI DIPALSUKAN MAKLUMATNYA TIDAK SEPERTI KITAB-KITAB MUQADDAS YANG SEBELUMNYA.<br><br>PERSAMAAN BAHASA ARAB DAN BAHASA ASSYURIA: | |

| | BAHASA ARAB (700 A.D) | BAHASA ASSYURIA (1300 B.C) |
|---|---|---|
| 1 | ثور | شورو |
| 2 | إله | إيلو |
| 3 | أرض | أرضو |
| 4 | أربع | إربا |
| 5 | بنت | بنتو |
| 6 | ركب | ركب |
| 7 | أخ | أخو |
| 8 | زرع | زرو |
| 9 | سماء | شِمو |
| 10 | شمس | شمشو |
| 11 | خمس | خمشو |
| 12 | ذئب | زيبو |
| 13 | ذباب | زبو |
| 14 | أنا(SAYA) | أناكو |

| | | |
|---|---|---|
| 15 | أنتما/أنتَ | أتاّ ATTA (UNTUK أنتما/أنتَ) |
| 16 | أنتما/أنتِ | أتّي ATTIE (UNTUK أنتما/أنتِ) |

DI SINI JUGA TERDAPAT PERSAMAAN YANG CUKUP KETARA DI ANATARA BAHASA ASSYURIA DAN BAHAS ARAB.

OLEH ITU TERNYATA KEEMPAT-EMPAT BAHASA ATAU LAHJAH ; ARAB, AKKADI BYBLON, ARAMAIK DAN ASSYURIA BERASAL DARI KETURUNAN YANG SAMA BAHASA YANG SATU AIATU SEMITIK.

PERSOALANNY A KENAPA BAHASA IBRANI TIDAK BERADA DIKALANGAN BAHASA-BAHASA UTAMA DI ATAS? INI KERANA BAHASA IBRANI TIDAK TERGOLONG DI ANTARA BAHASA SEMITIK YANG TERAWAL BAHKAN SEBAGAIMANA YANG DISEBUT OLEH ABU NASIR YANG NASNYA ITU TELAH DIPETIK OLEH AL-HAMDANI DI DALAM BUKUNYA `AL-IKLIL` (2/16) KATA ABU NASIR `*ORANG RAMAI*

| | |
|---|---|
| *TERKELIRU TENTANG ABIR, BELIAU IALAH HUD BIN AUS BIN AIMAN BIN HALJAM BIN BADAM BIN AUDAIN BIN SHADDAD BIN AAD BIN AUS BIN IRAM BIN AUS BIN ABIR BIN SHALIK`* DARI PETIKAN CATATAN HIMYAR DI DALAM صفاح الحجارة (AL-IKLIL 1/93). WALAUPUN TERDAPAT BANYAK KHILAF TENTANG PANDANGAN INI, PENULIS MELIHAT ADA BENARNYA MEMANDANGKAN CATATAN-CATATAN TAURAT YANG DISALIN SEMULA TIADA DALAM BAHASA YANG TERAWAL SEOERTI DI ATAS BAHAKAN IA MESTI DITULIS DALAM BAHASA IBRANI YANG DITULIS OLEH ORANG-ORANG YAHUDI. INI BERMAKNA GOLONGAN IBRANI ADALAH ANTARA BERBANGSA SEMITIK YANG TERAKHIR JIKA DILIHAT DARI SUSUNAN GENEALOGY YANG TELAH DISEBUT OLEH ABU NASIR TADI. INI JELAS DAN TIDAK KETERLALUAN UNTUK DIKATAKAN BAHAWA ORANG-ORANG YAHUDI YANG MENGGUNAKAN BAHASA IBRANI MERUPAKAN GOLONGAN YANG TELAH MENGUBAH SEJARAH DAN | |

| | |
|---|---|
| MAKLUMAT SEJARAH PURBA MESOPOTAMIA BERDASAR KEFAHAMAN DAN KEHENDAK MEREKA. INI KERANA SEBELUM MEREKA DUNIA SEJARAH PURBA TELAH MENCIPTA SEJARANYA TERSENDIRI HASIL DARI PERADABAN DAN KEBIJAKSAAN ORANG AKKADI, BYBLON, ARAM, DAN ARAB. DAN SECARA TAK LANGSUNG JIKA DILIHAT KEPADA GENEALOGY PEMBAHAGIAN KETURUNAN YANG DISEBUT OLEH ABU NASIR INI, MAKA BANGSA IBRANI BERADA DI BAWAH KETURUNAN ARAB! INI KERANA HUD, AUS, AAD DAN IRAM MERUPAKAN SEBAHAGIAN NAMA-NAMA KABILAH ARAB YANG TELAH DIUBAH KEDUDUKKAN NASAB MEREKA DI DALAM MAKLUMAT TAYRAT MALAH ADA ANTARA NAMA-NAMA TADI TELAH DIBUANG DARI SENARAI NAMA ANAK-ANAK ARAM, SEPERTI AUS. | |